



SIARAN MEDIA

KEMPEN AWAK OK TAK? TINGKAT KESEDARAN KESEJAHTERAAN SOSIAL DAN EMOSI

KUALA LUMPUR, 12 OKTOBER 2025 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah melancarkan kempen Awak OK Tak? yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa Program Kasih Fun Run – Awak OK Tak? di Dataran DBKL, Kuala Lumpur.

YB Menteri dalam ucapannya menyatakan bahawa Kempen 'Awak OK Tak?' merupakan langkah penting dalam usaha kerajaan membina sebuah masyarakat yang lebih peka, lebih prihatin, dan lebih menyokong antara satu sama lain dalam mendepani cabaran kehidupan moden yang semakin kompleks. Beliau juga menyeru semua pihak untuk memainkan peranan penting menjadi agen kempen Awak OK Tak? dan membantu dalam menyebarkan mesej Awak OK Tak? Jom Kongsi termasuk peka terhadap tanda-tanda seseorang yang memerlukan bantuan.

Kempen “Awak OK Tak?” dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan kesejahteraan emosi dalam kalangan rakyat Malaysia melalui pendekatan yang menyeluruh dan berkesan; mewujudkan masyarakat yang prihatin dan saling peduli serta saling memberikan sokongan; membantu orang ramai mendapatkan perkhidmatan sokongan yang melibatkan kesejahteraan emosi; menyampaikan mesej bahawa setiap masalah mempunyai jalan penyelesaian bagi meningkatkan kesejahteraan sosial; dan mempromosi Talian Kasih 15999 sebagai saluran aduan dan sokongan awal yang sahih dan selamat.

Berdasarkan kepada statistik Pusat Panggilan Talian Kasih, sehingga September 2025, Talian Kasih telah menerima sebanyak 52,801 panggilan. Statistik tersebut secara tidak langsung menunjukkan bahawa ramai rakyat Malaysia sebenarnya memerlukan sokongan terutamanya dari segi emosi dan sosial kerana kes-kes yang diterima adalah melibatkan isu-isu seperti menjadi mangsa keganasan rumah tangga, gangguan seksual, buli, penderaan, pengabaian, masalah kesuburan, masalah kekeluargaan, sosial remaja dan sebagainya.

Talian Kasih 15999 merupakan talian sokongan Awak OK Tak? yang beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu tanpa henti. Menerusi talian ini, orang ramai boleh mendapatkan bantuan perkhidmatan kaunseling, bantuan kebajikan kumpulan sasar, bantuan perlindungan, perkhidmatan reproduktif dan bimbingan sosial remaja bagi meningkatkan kesejahteraan emosi masyarakat.

Kempen Awak OK Tak dilancarkan dalam program Kasih Fun Run – Awak OK Tak? anjuran KPWKM dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) kerana ia merupakan program larian santai yang melibatkan seramai 2,500 peserta dan program fun run ini bukan sahaja menekankan aspek gaya hidup sihat dari segi fizikal, malah turut memberi penekanan kepada kesejahteraan emosi dan sosial.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

12 OKTOBER 2025